

Ahli Antropologi memacu kesajahteraan sejagat

Bidang ini membabitkan penyelidikan, pengajian berkaitan manusia

Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Serdang: Antropologi terdiri daripada dua patah perkataan lama Greek, iaitu anthropos atau manusia dan logos bermaksud belajar atau *study*.

Antropologi bermakna hurai-an, pengajian atau pengetahuan mengenai manusia, manakala antropologi sosial pula bermaksud pengetahuan berkaitan manusia dalam masyarakat. Lebih tepat antropologi adalah ilmu mengenai manusia, masyarakat dan budayanya.

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Roslan Rosnon, berkata terdapat pelbagai bidang disiplin antropologi yang menyentuh kajian mengenai kehidupan dan budaya manusia seperti antropologi desa; bandar; ekonomi; politik; keluarga; agama; kesihatan; pembangunan; linguistik; sosial dan antropologi gunaan.

Beliau berkata, antropologi



Dr Roslan (tengah) yang turut memeriahkan Sambutan Hari Moyang suku kaum Mahmeri di Klang, Selangor baru-baru ini

menawarkan pelbagai peluang kerjaya yang mencabar, termasuk antropologi melatih seseorang untuk berfikiran terbuka dan holistik supaya dapat menangani sesuatu permasalahan daripada pelbagai sudut.

"Antropologi mengamalkan pendekatan pelbagai disiplin dalam mencari kebenaran. Ini bermakna pelbagai bidang ilmu seperti ekonomi, politik dan sejarah mempengaruhi perkembangan fikiran manusia," katanya kepada BH Varsiti, baru-baru ini.

Beliau berkata, kepakaran ahli

antropologi menjalankan kajian lapangan dengan kaedah tertentu menjadi aset berharga dan menyumbang kepada pelbagai sektor pekerjaan.

"Ahli antropologi juga lazimnya memberi fokus kepada subjek atau kumpulan masyarakat terpinggir dan minoriti seperti Orang Asli dengan memberi fokus kepada keseluruhan kehidupan golongan ini.

"Oleh itu, lulusan antropologi seharusnya boleh menyesuaikan diri kepada pelbagai jenis kerjaya terutama berkaitan dengan sains

sosial dan kemanusiaan seperti bidang akademik, dunia korporat, perubatan dan kesihatan, kebudayaan dan kesenian serta badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Dr Roslan berkata, kebanyakannya syarikat memerlukan ahli antropologi dan mengiktiraf pembabitan dan pengetahuan ahli antropologi dalam dunia korporat.

Katanya, seseorang ahli antropologi korporat boleh mengkaji sesuatu sistem ekonomi itu dalam konteks budaya yang diperhatikan.



"Pendekatan ini dapat membantu syarikat membuat kajian yang mendalam berkaitan pola perbelanjaan pengguna dalam sesuatu masyarakat dan data yang dikumpul dapat digunakan untuk merangka strategi pemasaran.

"Pengetahuan antropologi juga berguna dalam pengiklanan kerana ilmu antropologi meliputi perlakuan pengguna, simbol status, kegemaran budaya dan tabiat pemakanan," katanya.

Mengenai ahli antropologi perubatan pula, mereka akan cuba mengkaji dan memberi pengetahuan berhubung faktor sosiobudaya yang mempengaruhi sebaran penyakit dan mendidik masyarakat bagaimana mengamalkan budaya hidup sihat.

"Oleh itu, bidang antropologi sememangnya luas dan relevan hingga ke hari ini dalam memacu pembangunan dan pembinaan sesebuah negara," katanya.